



PROTON

Siaran Akhbar

PROTON MENGUMUMKAN SERVIS BAIK PULIH BAGI PROTON PERDANA

- Isu hanya melibatkan Proton Perdana dan pemilik akan dihubungi secara terus
- Model-model semasa yang lain tidak terjejas dengan panggilan semula ini

Subang Jaya, 17 Januari 2019 – Berikutan pengumuman panggilan semula yang dikeluarkan oleh Honda Motor Company mengenai inflator beg udara penumpang pada model Honda Accord, PROTON ingin mengumumkan mengenai servis baik pulih yang akan dilakukan untuk menggantikan inflator beg udara penumpang untuk semua model Proton Perdana terkini. Ini merupakan satu langkah berjaga-jaga kerana model ini merupakan model asal Honda Accord dan melibatkan kereta-kereta yang dikeluarkan dari tahun 2012 sehingga akhir Ogos 2018. Notis mengenai isu ini akan dihantar kepada semua pemilik.

Servis baik pulih ini adalah sebahagian daripada inisiatif global untuk kereta-kereta yang dilengkapi dengan beg udara Takata. Semua tindakan yang diambil adalah selaras dengan Laporan Maklumat Kerosakan (DIR) terbaharu yang dikeluarkan oleh Pentadbiran Keselamatan dan Traffik Lebuhraya Kebangsaan Amerika (NHTSA) yang memerlukan penggantian inflator beg udara bukan kering (non-desiccated). Jumlah Proton Perdana yang terjejas adalah sebanyak 6,432 unit.

Syarikat ingin menekankan kepada semua pelanggan bahawa inisiatif ini tidak melibatkan mana-mana model Proton yang lain kerana beg udara yang digunakan dibekalkan oleh pembekal yang berlainan. Kawalan ketat telah diambil untuk memastikan keselamatan para pelanggan, yang merupakan keutamaan bagi PROTON dan sebarang kesulitan mengenai perkara ini amatlah dikesali.

"Keselamatan pemilik-pemilik kereta kami adalah yang paling penting untuk PROTON. Semua pemilik Proton Perdana akan dimaklumkan mengenai perkara ini dan mereka dinasihatkan menghubungi talian khidmat pelanggan PROTON untuk membuat temu janji penggantian beg udara penumpang pada kereta mereka. Kereta yang dikeluarkan selepas 31 Ogos 2018 tidak terlibat dengan servis baik pulih ini dan pertukaran inflator beg udara ini hanya akan mengambil masa kira-kira satu jam serta tidak akan dikenakan apa-apa bayaran," ujar Dato' Radzaif Mohamed, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi talian khidmat pelanggan PROTON di 1-800-888-398 atau e-mel customercare@proton.com sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan bantuan.

PROTON sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan di atas sokongan dan memberi jaminan bahawa pelbagai usaha sedang dijalankan untuk memastikan servis baik pulih ini diselesaikan secepat mungkin.

-Tamat-



M/s 2 Dari 2

PROTON MENGUMUMKAN SERVIS BAIK PULIH BAGI PROTON PERDANA

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5 Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Mohamed Norin Abu Bakar di 012-288 5843 / tel: 03-8026 9674 / mohamednorin@proton.com
- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Eyasmin Hameed di hp: 017-605 2072 / tel: 03-8026 9683 / eyasminh@proton.com